



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 15 TAHUN 2012**

**MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL BAHRU
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT DI BADAN
KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA (PINDAAN) 2012**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
TARIKH: 21 DISEMBER 2012

Semua Pengendali Berlesen dan Pemegang Lesen Perkhidmatan Pengangkutan Awam Darat

MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL BAHARU SPAD DI BADAN KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA (PINDAAN) 2012

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali berlesen dan pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam darat mengenai arahan mempamerkan nombor aduan bebas tol baharu yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di badan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan dan kenderaan barang masing-masing.

LATAR BELAKANG

2. SPAD telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 12 pada 07 November 2012 berkenaan arahan mempamerkan nombor aduan talian bebas tol baharu SPAD di badan kenderaan pengangkutan awam darat bagi Semenanjung Malaysia.

3. SPAD telah memutuskan bahawa arahan mempamerkan nombor aduan SPAD di badan kenderaan adalah **wajib** kepada semua pengendali berlesen dan pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam darat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, arahan ini **tidak terpakai ke atas kelas lesen kereta sewa dan pandu, kereta sewa dan pandu untuk pelancong serta lesen kereta api**.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. SPAD telah memutuskan untuk menambah syarat baru di dalam syarat am lesen pengendali dan lesen kenderaan bagi semua pengangkutan awam darat yang berkenaan seperti berikut:

“Semua pengendali berlesen dan pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam darat hendaklah mempamerkan nombor aduan SPAD di badan kenderaan masing-masing mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Syarat ini tidak terpakai kepada kelas lesen kereta sewa dan pandu, kereta sewa dan pandu untuk pelancong dan lesen kereta api”

Syarat ini hendaklah dibaca bersama dan dijadikan syarat tambahan kepada syarat-syarat lesen pengendali dan lesen kenderaan yang dilesenkan oleh SPAD bermula dari tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa.

GARIS PANDUAN MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN SPAD

5. Garis panduan mempamerkan nombor aduan SPAD adalah seperti berikut:
 - 5.1 Nombor aduan SPAD hendaklah ditampal dengan menggunakan pelekat yang berwarna atau hitam dan putih.
 - 5.2 Bagi semua bas yang dilesenkan oleh SPAD, nombor aduan SPAD hendaklah diletakkan di dalam kenderaan di bahagian tempat meletak bagasi di sebelah kanan atau kiri atau di belakang ruang pemandu yang mudah dilihat oleh penumpang. Selain itu nombor aduan SPAD juga perlu diletakkan di bahagian luar belakang sebelah kanan badan bas. Saiz, bentuk, dan kedudukan pelekat adalah seperti di **Lampiran A**.
 - 5.3 Bagi semua kenderaan barang yang dilesenkan oleh SPAD, nombor aduan SPAD hendaklah ditampal di bahagian luar belakang sebelah kanan badan kenderaan. Saiz, bentuk, dan kedudukan pelekat adalah seperti di **Lampiran B**.
 - 5.4 Bagi semua kelas lesen teksi dan kereta sewa yang dilesenkan oleh SPAD, nombor aduan SPAD hendaklah ditampal di bawah cermin pintu kenderaan sebelah kiri dan kanan tempat duduk penumpang di bahagian belakang dan di bahagian hadapan di ‘dashboard’ kenderaan. Selain itu nombor aduan SPAD juga perlu diletakkan di bahagian luar belakang sebelah kanan badan kenderaan. Saiz, bentuk dan kedudukan pelekat adalah seperti di **Lampiran C**.
6. Semua pengendali berlesen dan pemegang lesen diberi tempoh sehingga 31 Mac 2013 untuk memastikan semua kenderaan yang dilesenkan oleh SPAD telah ditampal dengan pelekat nombor aduan seperti spesifikasi yang telah dinyatakan dalam perkara (5) di atas.

7. Selepas tarikh diatas, pengendali berlesen dan pemegang lesen yang gagal untuk menampal pelekat nombor aduan SPAD boleh dikenakan tindakan seperti yang telah termaktub di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (PAD) 2010.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 21 Disember 2012.

PEMBATALAN

9. Pekeliling LPKP Bil. 12 Tahun 2009 bertarikh 02 Disember 2009, Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) LPKP di Badan Kenderaan Perdagangan adalah dibatalkan di Semenanjung Malaysia manakala Sabah dan Sarawak masih tertakluk di bawah Pekeliling tersebut.

10. Pekeliling SPAD Bil. 12 Tahun 2012 bertarikh 07 November 2012, Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol Baharu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Di Badan Kenderaan Pengangkutan Awam Darat Bagi Semenanjung Malaysia juga adalah terbatal.




MOHD NUR ISMAL MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

21 DISEMBER 2012

LAMPIRAN A (BAS)


1. Ditampal di bahagian dalam bas



Butiran:

- | | | |
|-------------------------|---|-------------|
| 1. Jenis tulisan | : | Arial Black |
| 2. Saiz tulisan | : | 52 |
| 2. Warna latar belakang | : | Putih |
| 3. Warna tulisan | : | Hitam |

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



2. Ditampal di bahagian belakang bas sebelah kanan



Butiran:


1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 96
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



LAMPIRAN B (KENDERAAN BARANGAN)

1. Ditampal di bahagian belakang kenderaan sebelah kanan



1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 96
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :




Atau



LAMPIRAN C (TEKSI DAN KERETA SEWA)

1. Ditampal di bahagian dalam kenderaan



Butiran:

- | | | |
|-------------------------|---|-------------|
| 1. Jenis tulisan | : | Arial Black |
| 2. Saiz tulisan | : | 20 |
| 2. Warna latar belakang | : | Putih |
| 3. Warna tulisan | : | Hitam |

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :




Dan



*Ditampal di kedua-dua pintu belakang teksi

2. Ditampal di bahagian belakang kenderaan sebelah kanan



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 52
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



Warna Korporat SPAD

Cetakan pelekat adun SPAD yang berwarna diwajibkan memenuhi kriteria-kriteria warna logo korporat SPAD seperti berikut :



Pantone 2767 C (solid uncoated)
Pantone 2767 U (solid uncoated)
CMYK = C:100 M:78 Y:0 K:54
RGB = R:0 G:36 B:93



Pantone 1797 C (solid uncoated)
Pantone 1797 U (solid uncoated)
CMYK = C:0 M:100 Y:99 K:4
RGB = R:227 G:27 B:35



Pantone Hexachrome Yellow C
(solid uncoated)
Pantone Hexachrome Yellow U
(solid uncoated)
CMYK = C:0 M:1 Y:98 K:0
RGB = R:255 G:238 B:0

QR CODE Nombor Aduan SPAD

QR CODE bagi nombor aduan SPAD adalah seperti berikut:



Salinan Kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D
62502 PUTRAJAYA

Ketua Polis Trafik
Cawangan Trafik
Polis Di Raja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM
Wisma DRB HICOM
No. 2, Jalan Usahawan U1/8
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Edaran Dalaman:

Ketua Pegawai Operasi
Ketua Pegawai Pembangunan
Ketua Bahagian Kenderaan Barang
Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Jalan
Ketua Bahagian Penguatkuasaan
Ketua Bahagian Polisi, Perancangan dan Penyelidikan
Ketua Operasi Negeri